

Atlet baru UMS menyerlah di Kejohanan Masum 2012

NS7 9/3/2012 23

OLEH JOANES ROBERT JOHNNY
(joanes@newsabahtimes.com.my)

KOTA KINABALU: Atlet Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2012 menyerlah dengan membawa pulang empat pingat emas, lima perak dan tiga gangsa dari Kejohanan MASUM di Stadium UTM Johor yang berlangsung selama tiga hari, 2 hingga 4 Mac lalu.

Tiga daripada empat pingat emas tersebut dirangkul oleh tiga atlet baru UMS yang baru pertama kali menyertai Kejohanan MASUM 2012.

Eldy Sham Irion menerusi acara 400 meter dan 400 meter berpagar lelaki memenangi emas pertama, sementara pingat emas kedua diperolehi menerusi Felnidiah Lok Lassim yang mengambil bahagian dalam acara 100 meter dan 100 meter berpagar perempuan, dan Emmy Ahkim menerusi acara 400 meter dan 400 meter berpagar

perempuan.

"Ketiga-tiga atlet ini juga merupakan pelajar Sains Sukan di UMS dan ini merupakan satu peluang bagi mereka untuk memperkembangkan bakat dengan mengaplikasikan ilmu Sains Sukan yang mereka pelajari seterusnya dapat pergi jauh lagi dalam bidang sukan dengan harapan dapat menaikkan nama negara dalam bidang sukan," demikian menurut pendapat pelajar Sains Sukan yang mengambil pengkhususan dalam Kejurulatihan dan berada dalam tahun akhir di UMS, Metchella Febrynna Metha.

Selain itu, Nitas B. Camillus Tan Sin Bee juga telah membanggakan pihak universiti kerana sekali lagi beliau telah merangkul pingat emas dalam acara 10 km jalan kaki dan berjaya memecahkan rekod.


Antara atlet lain yang telah berjaya menyumbangkan pingat adalah Kenson Rubanjar dengan 1 pingat perak dalam

acara 10 km jalan kaki, Pang Tsun Kuo dengan dua pingat perak dalam acara 400 meter dan 800 meter, Ngu Chee Yan dengan 1 pingat perak dan Asong Joseph juga dengan 1 pingat perak sementara

tiga pingat gangsa telah dirangkul oleh Dora Suan, Asong Joseph dan Pang Tsun Kuo.

Norsyamsiah Bt. Waridi yang merupakan atlet senior UMS yang telah menyertai Kejohanan Masum dalam acara 1500 meter dan 3000 meter meramalkan bahawa dalam Kejohanan Masum yang akan datang, UMS akan mampu mendapat tempat yang lebih baik berdasarkan kejayaan yang membanggakan ditunjukkan oleh para atlet baru dan lama UMS pada kejohanan kali ini.

"Besarnya kemungkinan pada tahun hadapan UMS mampu mendapat tempat ketiga memandangkan pada kejohanan kali ini UMS telah mendapat tempat keempat secara keseluruhan," katanya.



PECAH REKOD...Nitas Camillus memakai nombor 1906 berjaya merangkul pingat emas dan memecahkan rekod universiti dalam acara 10km jalan kaki.